

08 FEB 1997

MAHATHIR LANCAR PESTA BELI BELAH MINES

KUALA LUMPUR, 8 Feb (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam tadi melancarkan Kompleks Membeli-belah Mines bernilai RM250 juta manakala isteri beliau, Datin Seri Dr Siti Hasmah Ali pula melancarkan "Unity Square" berharga RM6 juta di Mines Resort City, yang dibina dan dikendalikan oleh kumpulan syarikat Country Heights.

Pelancaran kompleks membeli belah dan yayasan perpaduan itu diadakan sempena pesta bergnda Tahun Baru Cina dan Hari Raya Aidil Fitri.

Sebahagian daripada majlis pelancaran ialah belayar menerusi Terusan Utama menaiki sebuah teksi air yang dikeluarkan dalam negeri, yang pertama seumpamanya di Malaysia.

Kompleks Membeli-belah Mines, Unity Square dan Grand Canal merupakan ciri-ciri utama Mines Resort City, sebuah pusat peranginan yang terletak dalam kawasan 400 hektar.

Keseluruhan projek itu akan bernilai RM2 bilion yang dibina di kawasan bekas tanah lombong yang terbesar di dunia.

Yang turut hadir pada pelancaran itu ialah Menteri Kerja Raya Datuk Seri S. Samy Vellu, Menteri Pertahanan, Datuk Syed Hamid Albar dan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datin Paduka Zaleha Ismail.

-- BERNAMA

DVS AHH